



KHATIJAH (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Rohana yang menyampaikan ceramah kesihatan di UMS Labuan, kelmarin.

## LPPKN anjur ceramah kesihatan untuk staf UMSKAL

UB. 27.3.13 B8

LABUAN: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan ceramah kesihatan untuk kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 11, Bangunan Menara universiti itu, kelmarin.

Ceramah itu disampaikan oleh Ketua Jururawat, Klinik

Nur Sejahtera, LPPKN Labuan, Rohana Jahidi.

Turut diadakan pemeriksaan kesihatan yang merangkumi tekanan darah, glukos, kolestrol, BMI dan kaunseling kesihatan.

Program anjuran Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (Kesumba) Kampus Antarabangsa Labuan itu bertujuan untuk memberi pendekatan kepada kakitangan mengenai kesihatan kanser payudara

dan pangkal rahim.

Penolong Setiausaha Kesumba, Khatijah Ayub berharap ceramah kesihatan itu dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kepada kakitangan supaya sentiasa menjaga kesihatan walaupun sibuk bekerja.

Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag ASri Ag Ibrahim, pensyarah dan kakitangan sokongan turut menjalani pemeriksaan kesihatan.